

Tinjauan Tahap Pengetahuan, Pemahaman dan Pengamalan melalui Program Latihan Pemantapan Kerohanian dalam kalangan Pelatih Skim Latihan 1-Malaysia Tabung Haji (TH)

A Survey on Level of Knowledge, Understanding and Practice through the a Training Program amongst Trainers Training Scheme of 1 Malaysia at Tabung Haji (TH)

Taufik Ismail¹, Zulkhairi M. Fadzlillah², Ramlee Abdullah³, Halida Baharuldin⁴,
Muhammad Sabri Sahrir⁵

Accepted	Reviewed
23 JANUARI 2018	30 MEI 2018

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan bagi meninjau perbezaan tahap pengetahuan, pemahaman dan pengamalan para pelatih Skim Latihan 1 Malaysia (SLIM) Tabung Haji Siri 3 dalam program Latihan Pemantapan Kerohanian yang dianjurkan oleh Lembaga Tabung Haji dengan kerjasama Masjid Sultan Haji Ahmad Universiti Islam Antarabangsa dan Al-Busyro Training & Consultancy mulai 16 Disember 2013 sehingga 25 Januari 2014 selama enam minggu. Kajian ini mengkaji perbezaan tahap pengetahuan, pemahaman dan pengamalan pelatih pada minggu keempat dan minggu keenam daripada program tersebut dilaksanakan kerana pelatih telah hampir memenuhi modul latihan yang dijalankan. Kaedah kajian yang dijalankan berbentuk kuantitatif dengan menggunakan soal selidik dan dianalisis dengan menggunakan perisian SPSS secara deskriptif. Responden kajian terdiri daripada 90 orang pelatih SLIM Tabung Haji yang telah mengikuti program Latihan Pemantapan Kerohanian dengan jayanya selama enam minggu yang bertempat di Hotel Tabung Haji di Kelana Jaya. Hasil kajian mendapati bahawa program Latihan Pemantapan Kerohanian yang dilaksanakan telah berjaya meningkatkan tahap pengetahuan, pemahaman dan pengamalan para pelatih dalam setiap ilmu yang dipelajari pada minggu keenam berbanding pada minggu keempat. Hasil kajian juga mendapati bahawa setiap ilmu yang dipelajari secara teori yang dilaksanakan secara praktikal atau amali telah memperoleh peningkatan peratusan tahap pengetahuan, pemahaman dan pengamalan yang tinggi. Kepelbagaian metode penyampaian merupakan suatu perkara yang perlu dititikberatkan supaya ilmu yang diperoleh itu mampu difahami, diamalkan, diaplikasi dan diadaptasi dalam kehidupan para pelatih sebagai salah satu medium bagi menjana dan membina insan kamil dalam usaha menjadi hamba yang bertakwa.

Kata kunci: Tahap pengetahuan, Pemahaman, Pengamalan, Latihan industri, Pelatih

¹ Jabatan Bahasa Arab dan Kesusasteraan, Kulliyah Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan (KIRKHS), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), 53100 Gombak, Kuala Lumpur taufik@iium.edu.my

² Tilawah Unit, Centre for Languages and Pre-University Academic Development (CELPAD), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), 53100 Gombak, Kuala Lumpur. mzulkhairi@iium.edu.my

³ Tilawah Unit, Centre for Languages and Pre-University Academic Development (CELPAD), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), 53100 Gombak, Kuala Lumpur. ramlee@iium.edu.my

⁴ Sekolah Menengah Gali, 27600 Raub, Pahang. lid_lidda@yahoo.com

⁵ Jabatan Bahasa dan Literasi, Kulliyah Pendidikan (KOED), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), 53100 Gombak, Kuala Lumpur. muhsabri@iium.edu.my

ABSTRACT

This study is conducted to examine the different levels of knowledge, understanding and practice of trainees of the 1 Malaysia Scheme Training Scheme (SLIM) at Tabung Haji Series 3 in a Spiritual Training program organized by Lembaga Tabung Haji in collaboration with Sultan Haji Ahmad Mosque International Islamic University (IIUM) and Al-Busyro Training & Consultancy from 16 December 2013 to 25 January 2014 for six weeks. This study examines the different level of knowledge, understanding and practice of trainees in the fourth and sixth weeks of the program as the trainees have almost fulfilled the training modules. The research method was using quantitative questionnaire and analysed using descriptive SPSS software. The respondents of the study consisted of 90 SLIM Tabung Haji trainees who had participated in the six-week Spiritual Training program at the Tabung Haji Hotel in Kelana Jaya. The findings showed that the Spiritual Training program has succeeded in enhancing the level of knowledge, understanding and practice of trainees in every knowledge learned in the sixth week compared to the fourth week. The findings also found that every theoretically studied knowledge practiced or practiced has gained a high percentage of knowledge, understanding and practice level. The diversity of delivery methods is a matter of urgency that the acquired knowledge can be understood, practiced, applied and adapted in the lives of the trainers as one medium to generate and build humanity in order to be a devout servant.

Key Words: *Knowledge, understanding, practicing, industrial training, trainee*

Pengenalan

Allah SWT mencipta manusia itu dengan serba sempurna agar manusia itu dapat menjalani kehidupan di dunia ini berlandaskan syariat. Akal yang dikurniakan oleh Allah menjadikan manusia itu perlu berfikir tentang aspek kepentingan dan keperluan kepada agama yang menunjangi kehidupan manusia di muka bumi ini (Ismail Kamus 2000). Justeru, agama semestinya merupakan petunjuk yang paling penting bagi manusia dalam menghayati kehidupan dan penghidupan yang dibawa oleh para Nabi dan Rasul yang didasari oleh iman dan takwa (Hassan Mahmud 1997). Dalam konteks kehidupan berlandaskan syariat yang menjadi inti dan nadi kepada setiap insan yang bergelar muslim, ilmu merupakan suatu perkara yang wajib dipelajari dan diamalkan sebagai bukti ketaatan dalam mewujudkan keberhasilan umat yang tunduk dan patuh kepada perintah-Nya (Awang Mamat 2013). Ketaatan terhadap penyariatannya itu akan menghasilkan keindahan Islam yang mewujudkan kekuatan seorang muslim itu pada pegangan agamanya, mengukuhkan cinta kepada-Nya dan bertambah kuat iltizam dalam memperkukuhkan agama dalam diri (Abdul Basit Abdul Rahman 2012).

Oleh itu, dalam menjana dan membina insan yang sentiasa tunduk dan patuh kepada al-Khaliq, pembelajaran ilmu kerohanian seperti ilmu fardu ain yang merangkumi ilmu berkaitan tauhid, ibadah solat, taharah/bersuci, pengurusan jenazah, haji dan umrah yang menjadi asas ketakwaan individu perlu dikukuhkan dan dimantapkan dalam individu setiap muslim (Aminullah Mohd Bakir 2003; Jabir Qamihah 1996). Pengamalan ilmu kerohanian dalam kehidupan pastinya akan menatijahkan kehidupan berlandaskan syariat yang menjadikan kehidupan manusia itu lebih harmoni, bahagia dan sejahtera di dunia dan di akhirat (Mahmood Zuhdi Abdul Majid 2011). Penghayatan dan pengamalan ilmu secara menyeluruh dan kukuh akan melayakkan seseorang hamba itu bergelar khalifah iaitu penguasa, pentadbir dan pengatur yang dapat memakmurkan bumi ini dengan syariat Allah

(Abu Muaz 2011). Selain ilmu fardu ain, Al-Quran merupakan sebahagian daripada ibadat yang bertujuan memberi kesan terhadap pembentukan jiwa insan yang perlu dipelajari, dihayati dan diamalkan dalam kehidupan (Ahmad Mohd Salleh & Mohd Farid Hafidz Ahmad 2007). Memang tidak dapat dinafikan bahawa keseluruhan aspek kehidupan manusia itu perlu berpaksikan paradigma Al-Quran yang menjadi nukleus kehidupan dalam merangsang penyuburan hidup beragama (Tajul Ariffin Nordin & Nor'Aini Dan 2005). Realitinya, terdapat pelbagai cabang ilmu yang boleh dipelajari oleh manusia itu bagi memantapkan diri, memperkukuhkan jiwa dan menyepadukan segala tujuan dalam merealisasikan tujuan beragama bagi memastikan ketundukan sepenuhnya terhadap Allah SWT.

Justeru, pengetahuan, pemahaman dan pengamalan ilmu spiritual melalui program latihan pemantapan kerohanian yang dilaksanakan kepada pelatih SLIM ini, diharapkan dapat diadaptasikan dalam kehidupan yang dapat meningkatkan ketakwaan dan keimanan terhadap Allah SWT. Ketakwaan dan keimanan yang mantap itu mampu menjana insan yang seimbang dan gemilang dalam pelbagai aspek yang mampu melahirkan pekerja yang sentiasa beriltizam memantapkan kerjaya di masa hadapan di samping penerapan nilai Islam dalam diri yang menjadi asas dalam kehidupan (Shuhairami Abdullah 2009). Pengetahuan, pemahaman dan pengamalan ilmu ini juga akan turut merangsang dan memberi impak positif ke arah melahirkan pekerja yang berilmu, berdedikasi, bertanggungjawab, berdisiplin dan berakhlak mulia bagi memperoleh keberkatan dan keredaan Allah SWT (Mohammed Sulaiman et.al. 2014).

Permasalahan Kajian

Pendidikan agama seperti yang diketahui merupakan suatu perkara yang amat penting dalam membangunkan peribadi muslim yang unggul seterusnya menghasilkan kecemerlangan dalam sesuatu organisasi yang mampu membentuk komuniti ummah atau masyarakat madani (Tajul Ariffin Nordin 2007). Oleh itu, melalui penerapan dan pengamalan ilmu agama seharusnya mampu membentengi diri muslim itu sendiri dalam melahirkan insan kamil sebagai bukti keimanan dan ketakwaan dalam usaha untuk menjadi hamba yang terbaik. Pemantapan ilmu yang dipelajari dan diamalkan juga seharusnya mampu mendidik sikap pekerja supaya lebih berintegriti, bekerja dengan penuh bertanggungjawab dan berusaha memelihara serta menerapkan nilai-nilai Islam yang menjadi rutin atau amalan seharian (Nik Daud Raja Hussein et.al. 2014). Sehubungan itu, kefahaman dan pengamalan ilmu dalam program latihan pemantapan kerohanian ini perlu dijadikan agenda utama yang diterapkan sepanjang program yang dihadiri oleh para pelatih SLIM ini.

Walaupun pada asasnya, setiap muslim itu perlu mengetahui dan mengamalkan asas ilmu agama dalam diri masing-masing, namun berdasarkan realiti yang berlaku pada masa kini, ramai muslim yang masih gagal menterjemahkan sepenuhnya teori yang dipelajari dan difahami agar menjadi sesuatu yang lebih praktikal dalam memastikan ilmu tersebut dijadikan amalan dalam hidup (Seri Kartini Jurami & Fariza Md Sham 2013). Hal ini kerana ilmu Islam yang dipelajari tidak diamalkan dalam kehidupan seharian dan menjadikan penghayatan agama itu menjadi kian longgar dan tidak berjaya membentuk peribadi insan. Kelemahan aspek penghayatan Islam merupakan fenomena yang cukup ketara kerana realiti hari ini ramai muslim kurang menghayati nilai-nilai akhlak terhadap Allah SWT, diri sendiri dan masyarakat. Selain itu, terdapat juga muslim yang dilihat masih memiliki identifikasi pegangan agama yang kuat di dalam menjustifikasikan diri dengan agama dan komuniti

agama. Namun begitu, walaupun agama dilihat begitu signifikan dalam kehidupan manusia itu, amalan dalam agama itu sendiri dilihat sedikit longgar (Dzulhailmi Dahalan et.al. 2014; Mohd@Mohamed 2000).

Sehubungan itu, bagi melihat tahap keberkesanan program latihan pemantapan kerohanian yang dilaksanakan, program dijalankan dalam bentuk slot ceramah dan latihan dalam kumpulan sama ada teori atau secara praktikal. Oleh itu, kajian perlu dilakukan bagi memperoleh sejauh mana keberkesanan program yang telah dilaksanakan dan mampu direalisasikan terhadap para pelatih SLIM dalam memperkasakan roh Islam dalam diri masing-masing. Kajian juga dijalankan bagi melihat perbandingan tahap pengetahuan, pemahaman dan pengamalan pada minggu keempat dan keenam. Kajian seumpama ini sangat penting kerana pengetahuan, pemahaman dan pengamalan ilmu merupakan pemangkin utama dalam usaha melahirkan muslim yang kukuh dan mantap imannya. Perkara ini perlu dijadikan agenda atau prioriti utama setiap organisasi dalam memastikan keberhasilan pekerja yang seimbang dari segala aspek yang diperlukan bagi memantapkan kualiti dan produktiviti berteraskan nilai-nilai Islam. Justeru, kajian ini bertujuan untuk melihat sejauh mana keberkesanan program latihan pemantapan kerohanian yang dilaksanakan dalam kalangan peserta SLIM Tabung Haji. Kajian ini juga dijalankan untuk meninjau dan melihat perbandingan tahap pengetahuan, pemahaman dan pengamalan setiap kursus yang dipelajari pada minggu keempat dan minggu keenam.

Sorotan Literatur

Terdapat beberapa kajian lepas yang berkaitan dengan program pemantapan kerohanian. Antaranya ialah kajian yang dilaksanakan oleh Masjid PULAPOL kepada pelatih-pelatih polis yang dilaksanakan melalui Modul Pengukuhan didapati telah meninggalkan impak positif kepada pelatih-pelatih polis apabila mencapai skor min yang tinggi melebihi 4.0. Kajian ini melibatkan peranan masjid bukan hanya tempat ibadah semata-mata, tetapi sebagai pusat perkembangan dakwah, pembangunan sahsiah dan pusat pengajian ilmu Islam (Nor Faizah Abu Hashim et.al. 2014; Mohd Saifun Aznin Mohd Sharif & Maimun Aqsha Lubis 2014). Dalam kajian tersebut semua responden bersetuju bahawa program yang dijalankan dapat menambah pengetahuan agama, memberi kesedaran agama untuk beramal dengan amalan Islam terutamanya solat, berjaya meningkatkan kefahaman Islam, menarik minat pelatih untuk mendalami ilmu agama dan berjaya memperbaiki akhlak mereka. Keadaan ini menunjukkan bahawa program pengukuhan spritual ini memang diperlukan oleh pelatih-pelatih polis terutamanya jika dilihat sebahagian besar daripada pelatih-pelatih tersebut hanya mempunyai tahap pendidikan agama yang sederhana yang memerlukan bimbingan dan tunjuk ajar. Hasil temu bual dengan pegawai yang mengendalikan program menjelaskan bahawa program dakwah yang dijalankan di masjid PULAPOL memang memberikan kesan kepada pelatih-pelatih polis yang mengikutinya yang sangat memerlukan pemahaman tentang Islam khususnya dalam hal ibadah (Nik Daud Raja Hussein et.al. 2014).

Begitu juga kajian yang dijalankan oleh Seri Kartini Jurami, Fariza Md Sham (2013) dan Asmahan (2009) terhadap kursus Pendidikan Islam dalam kalangan pelajar politeknik bagi melihat sejauh mana tahap pengamalan ajaran Islam dalam kalangan pelajar tersebut. Kepentingan pelaksanaan kursus pendidikan Islam ini adalah untuk tarbiah jiwa ke arah pembentukan ketamadunan dan peradaban manusia dalam merealisasikan fungsi sebagai khalifah Allah SWT yang menjana pemantapan kerohanian yang jitu dan padu (Mohd Nasri Abdullah & Maimun Aqsha Lubis 2013). Dapatan kajian mendapati bahawa 100 peratus

responden berada dalam tahap pengamalan akidah yang tinggi, 94 peratus berada dalam pengamalan ibadah yang tinggi dan 96 peratus responden juga berada dalam tahap pengamalan akhlak yang tinggi. Berdasarkan kajian, pemantapan kerohanian dalam kalangan pelajar politeknik ini adalah tinggi dan pelajar ini mengamalkan ajaran agama dengan baik dalam pengamalan ibadah yang merupakan impak positif daripada pelaksanaan kursus Pendidikan Islam ini.

Kajian yang dijalankan oleh Maimun Aqsha Lubis (2013) mengatakan bahawa program pemantapan kerohanian ini mampu membina peradaban manusia melalui proses tarbiah dan dibangunkan menurut perspektif tarbiah Islam yang sebenar. Tanpa proses tarbiah ini, tamadun dan peradaban yang meletakkan manusia sebagai khalifah Allah tidak akan dapat diwujudkan. Jadi, program pemantapan kerohanian melalui pentarbiahan ini mampu membangunkan kemanusiaan dan tidak hanya berdasarkan material semata-mata tetapi akan menjana tamadun yang seimbang dari segi material dan kerohanian. Tarbiah kerohanian yang berteraskan akidah yang mantap akan menyeimbangkan pembangunan kerohanian dan jasmani dan perlu diolah dalam diri manusia bagi meningkatkan potensi kebaikan ke arah melahirkan insan yang bertakwa. Keseimbangan tersebut secara tidak langsung akan melahirkan insan bertakwa yang cemerlang dalam segala aspek sama ada dalam organisasi yang diceburi atau meningkatkan perhubungan antara manusia itu dengan Allah serta hubungan manusia dengan manusia itu sendiri.

Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan bagi meninjau perbezaan tahap pengetahuan, pemahaman dan pengamalan para pelatih Skim Latihan 1 Malaysia (SL1M) Tabung Haji Siri 3 dalam program Latihan Pemantapan Kerohanian yang dianjurkan oleh Lembaga Tabung Haji dengan kerjasama Masjid Sultan Haji Ahmad Universiti Islam Antarabangsa dan Al-Busyiro Training & Consultancy mulai 16 Disember 2013 sehingga 25 Januari 2014 selama enam minggu.

Metodologi Kajian

Kajian ini merupakan kajian lapangan yang telah dijalankan di Hotel Tabung Haji iaitu di Dewan Seri Jugra yang merupakan tempat aktiviti bagi program latihan pemantapan kerohanian dilaksanakan. Bilangan responden kajian ialah seramai 90 orang yang merupakan populasi bagi jumlah keseluruhan pelatih SL1M Tabung Haji. Kajian kuantitatif ini melibatkan penggunaan set soal selidik kuantitatif Program Latihan Pemantapan Kerohanian yang dianjurkan oleh Lembaga Tabung Haji dengan kerjasama Masjid Sultan Haji Ahmad Universiti Islam Antarabangsa dan Al-Busyiro Training & Consultancy mulai 16 Disember 2013 sehingga 25 Januari 2014 selama enam minggu. Kajian ini mengkaji perbezaan tahap pengetahuan, pemahaman dan pengamalan pelatih pada minggu keempat dan minggu keenam daripada program tersebut dilaksanakan kerana pelatih telah hampir memenuhi modul latihan yang dijalankan.

Instrumen soal selidik melibatkan pembinaan item-item dengan menggunakan skala *Likert* empat peringkat seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1. Set soal selidik yang sama telah diedarkan kepada para pelatih pada minggu keempat dan pada hari terakhir kursus bagi

melihat perbandingan tahap pengetahuan, pemahaman dan pengamalan ilmu yang dipelajari sepanjang program.

Jadual 1: Aras persetujuan skala Likert

Aras Persetujuan	Nilai skala likert
Tidak bertambah (TB)	1
Tidak pasti (TP)	2
Sedikit Berbeza (SB)	3
Banyak berbeza (BB)	4

Data yang diperoleh tersebut dianalisis dengan menggunakan SPSS secara analisis deskriptif bagi mendapatkan peratusan dan kekerapan. Peratusan dan kekerapan tersebut dijadikan kajian perbandingan bagi melihat perbezaan tahap pengetahuan, pemahaman dan pengamalan pada minggu keempat dan keenam program berlangsung.

Dapatan Kajian

Dapatan kajian ini adalah seperti berikut:

1. Profil Responden

Responden kajian terdiri daripada 90 pelatih SL1M Tabung Haji Siri seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2.

Jadual 2: Profil responden

Bil	Kumpulan	Muslimin	Muslimat	Jumlah
1	Makkah	8	15	23
2	Mina	4	18	22
3	Muzdalifah	6	17	23
4	Arafah	3	19	22
JUMLAH		21	69	90

Para pelatih SL1M telah dibahagikan kepada empat kumpulan yang ditetapkan dalam LDK berdasarkan ujian tahap pembacaan Al-Quran yang diadakan pada hari pertama kursus. Melalui ujian tahap pembacaan Al-Quran ini, tahap kelancaran pembacaan Al-Quran para pelatih dapat diketahui. Para pelatih diagihkan kepada empat kumpulan iaitu kumpulan Makkah, Mina, Muzdalifah dan Arafah. Bilangan keseluruhan pelatih Muslimin ialah seramai 21 orang dan bilangan pelatih muslimat ialah seramai 69 orang. Keseluruhan pelatih SL1M ini merupakan graduan lepasan institusi pengajian tinggi tempatan dan luar negara.

2. Sikap

Sikap para pelatih merupakan suatu perkara yang perlu dititikberatkan sepanjang berlangsungnya program. Aspek sikap yang dinilai adalah dari aspek ketepatan masa, fokus dan perhatian sepanjang pelaksanaan kursus, kerjasama dan komitmen yang diberikan semasa aktiviti atau semasa slot ceramah berlangsung, pakaian dan penampilan sepanjang kursus, menghormati pandangan orang lain dan bersikap terbuka apabila ditegur.

Jadual 3: Sikap pelatih SL1M siri 3

Sikap	Skala	Peratus & bil pelatih Minggu 4	Peratus & bil pelatih Minggu 6
Ketepatan masa	Tidak menepati masa	1% (1 org)	1.1 % (1 org)
	Kadang-kadang	40.1% (36 org)	30% (27 org)
	Menepati masa	58.9% (53 org)	68.9% (62 org)
Fokus dan perhatian	Kadang-kadang	75.6% (68 org)	54.4% (49 org)
	Fokus	24.4% (22 org)	45.6% (41 org)
Kerjasama dan komitmen	Kadang-kadang	12.2% (20 org)	15.6% (14 org)
	Komitmen penuh	77.8% (70 org)	84.4% (76 org)
Pakaian dan penampilan	Kadang-kadang	11.2% (10 org)	5.6% (5 org)
	Kemas dan menarik	88.8% (80 org)	94.4% (85 org)
Menghormati pandangan org lain	Kadang-kadang	14.4% (13 org)	2.2% (2 org)
	Menghormati	85.6% (77 org)	97.8% (88 org)
Bersikap terbuka apabila ditegur	Kadang-kadang	13.3% (12 org)	7.7% (7 org)
	Bersikap terbuka	86.7% (78 org)	92.3% (83 org)

Jadual 3 menunjukkan perbandingan sikap para pelatih SL1M pada minggu keempat program dan pada minggu keenam program. Dalam jadual tersebut, dapat dilihat bahawa terdapat perubahan sikap para pelatih yang begitu ketara antara semasa dan selepas program berlangsung. Peningkatan sikap dapat dilihat melalui peningkatan peratusan bagi setiap item yang positif dan pengurangan peratusan bagi setiap item yang negatif. Peratusan yang paling tinggi dalam aspek sikap ialah dari menghormati pandangan orang lain iaitu 85.6 peratus pada minggu keempat dan meningkat kepada 97.8 peratus pada minggu keenam. Begitu juga dalam aspek penampilan dan berpakaian kemas iaitu daripada 88.8 peratus kepada 94.4 peratus. Walaupun kesemua item dalam aspek sikap memperlihatkan peningkatan peratusan, namun aspek ketepatan masa, fokus dan perhatian semasa program dilihat masih rendah dengan skala “kadang-kadang” yang masih tinggi. Dua aspek ini merupakan aspek penting dalam melahirkan pelatih yang berdisiplin dalam kerjaya masing-masing.

3. Fardu Ain

Dalam slot Fardu Ain, para pelatih didedahkan kepada ilmu asas Fardu Ain yang merangkumi topik solat, taharah, azan dan iqamat, bacaan dalam solat, doa dan wirid, solat jamak dan qasar, masbuk dan muafik, zakat serta haji dan umrah. Tahap pengetahuan, pemahaman dan pengamalan ilmu fardu ain dalam kalangan pelatih SL1M ditunjukkan dalam Jadual 4.

Jadual 4: Tahap pengetahuan, pemahaman dan pengamalan ilmu fardu Ain dalam kalangan pelatih SL1M siri 3

Fardu Ain	Skala	Peratus & bil pelatih Minggu 4	Peratus & bil pelatih Minggu 6
Rukun Solat	Banyak perbezaan	58.9% (53 org)	75.6% (68 org)
	Sedikit berbeza	40% (36 org)	24.4% (22 org)
	Tidak pasti	1.1% (1 org)	Tiada

Solat berjemaah	Banyak perbezaan	63.3% (57 org)	76.7% (69 org)
	Sedikit berbeza	33.4% (30 org)	23.3% (21 org)
	Tidak bertambah	2.2% (2 org)	Tiada
	Tidak pasti	1.1% (1 org)	Tiada
Bersuci dan Taharah	Banyak perbezaan	53.3% (48 org)	71.1% (64 org)
	Sedikit berbeza	42.3% (38 org)	28.9% (26 org)
	Tidak bertambah	3.3% (3 org)	Tiada
	Tidak pasti	1.1% (1 org)	Tiada
Azan dan Iqamat	Banyak perbezaan	55.6% (50 org)	67.8% (61 org)
	Sedikit berbeza	41.1% (37 org)	32.2% (29 org)
	Tidak bertambah	3.3% (3 org)	Tiada
Bacaan dalam solat	Banyak perbezaan	64.4% (58 org)	78.9% (71 org)
	Sedikit berbeza	35.6% (32 org)	21.1% (19 org)
Doa dan wirid	Banyak perbezaan	46.7% (42 org)	74.5% (67 org)
	Sedikit berbeza	43.3% (39 org)	24.5% (22 org)
	Tidak bertambah	8.9% (8 org)	Tiada
	Tidak pasti	1.1% (1 org)	1% (1 org)
Solat jamak & qasar	Banyak perbezaan	55.7% (47 org)	63.3% (57 org)
	Sedikit berbeza	36.1% (35 org)	36.7% (33 org)
	Tidak bertambah	7.2% (7 org)	Tiada
	Tidak pasti	1% (1 org)	Tiada
Masbuk & muafiq	Banyak perbezaan	64.9% (56 org)	71.1% (64 org)
	Sedikit berbeza	27.8% (27 org)	28.9% (26 org)
	Tidak bertambah	4.1% (4 org)	Tiada
	Tidak pasti	3.1% (3 org)	Tiada
Zakat	Banyak perbezaan	Tiada	55.6% (50 org)
	Sedikit berbeza	Tiada	37.7% (34 org)
	Tidak bertambah	Tiada	5.6% (5 org)
	Tidak pasti	Tiada	1.1% (1 org)
Haji dan Umrah	Banyak perbezaan	Tiada	63.3% (57 org)
	Sedikit berbeza	Tiada	30.0% (27 org)
	Tidak bertambah	Tiada	5.6% (5 org)
	Tidak pasti	Tiada	1.1% (1 org)

Merujuk kepada Jadual 4, dapatlah disimpulkan bahawa slot ceramah dan LDK Fardu Ain yang dijalankan sepanjang enam minggu tersebut telah menunjukkan peningkatan peratusan dan kekerapan bagi setiap item. Bacaan dalam solat menunjukkan peratusan yang tertinggi iaitu 64.4 peratus pada minggu keempat kepada 78.9 peratus pada minggu keenam. Solat berjemaah menunjukkan peratusan peningkatan yang kedua tertinggi iaitu 63.3 peratus kepada 76.7 peratus. Bagi item rukun solat juga, turut menunjukkan peningkatan peratusan iaitu 58.9 peratus pada minggu keempat kepada 75.6 peratus pada minggu keenam. Secara keseluruhan peratusan meningkat 6 peratus sehingga 18 peratus bagi setiap aspek yang terkandung dalam fardu ain ini. Bagi item zakat, haji dan umrah pula, silibus tentang tajuk tersebut mula dipelajari pada minggu kelima dan keenam, namun begitu turut menunjukkan peratusan yang memuaskan bagi tahap pengetahuan, pemahaman dan pengamalan. Namun

begitu, tahap pengetahuan, pemahaman dan pengamalan dalam aspek fardu ain ini perlu mencapai peratusan melebihi 90 peratus kerana aspek fardu ain merupakan asas ilmu yang perlu dikuasai dan mantap dalam diri setiap pelatih.

4. Al-Quran dan Tajwid

Al-Quran dan Tajwid merupakan suatu cabang ilmu yang terdapat dalam program latihan pemantapan kerohanian bagi mendekatkan diri peserta dengan kalam Allah. Selama enam minggu, pelatih didedahkan dengan ilmu tajwid Al-Quran, tilawah Al-Quran, teknik-teknik hafazan serta menghafaz surah lazim mulai surah Ad-Dhuha sehingga An-Nas. Peratusan tahap pengetahuan, pemahaman dan pengamalan ilmu Al-Quran pada minggu keempat dan keenam ditunjukkan dalam Jadual 5.

Jadual 5: Tahap pengetahuan, pemahaman dan pengamalan ilmu Al-Quran dan hafazan dalam kalangan pelatih SL1M siri 3

Al-Quran & Tajwid	Skala	Peratus & bil pelatih	
		Minggu 4	Minggu 6
Pengetahuan & aplikasi tajwid	Banyak berbeza	62.2% (56 org)	74.4% (67 org)
	Sedikit bertambah	32.3% (29 org)	25.6% (23 org)
	Tidak bertambah	3.3% (3 org)	Tiada
	Tidak pasti	2.2% (2 org)	Tiada
Peningkatan kualiti bacaan	Banyak berbeza	61.1% (55 org)	73.3% (66 orang)
	Sedikit bertambah	37.8% (34 org)	26.7% (24 org)
	Tidak bertambah	1.1% (1 org)	Tiada
	Tidak pasti	Tiada	Tiada
Membudayakan Al-Quran dalam kehidupan	Banyak berbeza	60% (54 org)	68.9% (62 org)
	Sedikit bertambah	40% (36 org)	42.3% (28 org)
	Tidak bertambah	Tiada	Tiada
	Tidak pasti	Tiada	Tiada
Hafazan surah lazim	Banyak berbeza	51.1% (46 org)	60% (54 org)
	Sedikit bertambah	40% (36 org)	40% (36 org)
	Tidak bertambah	8.9% (8 org)	Tiada
	Tidak pasti	Tiada	Tiada

Merujuk kepada Jadual 5, pengetahuan dan aplikasi tajwid Al-Quran para pelatih dilihat semakin meningkat pada minggu keenam iaitu 74.4 peratus berbanding 62.2 peratus pada minggu keempat. Begitu juga dengan peningkatan kualiti bacaan Al-Quran, meningkat kepada 73.3 peratus pada minggu keenam berbanding hanya 61.1 peratus pada minggu keempat. Dari aspek membudayakan Al-Quran dalam kehidupan para pelatih juga didapati meningkat kepada 68.9 peratus pada minggu keenam berbanding hanya 60 peratus pada minggu keempat. Peningkatan peratusan juga dapat dilihat dalam hafazan surah lazim iaitu peningkatan peratusan sebanyak 60 peratus pada minggu keenam berbanding hanya 51.1 peratus pada minggu keempat. Secara keseluruhannya didapati bahawa tahap pengetahuan, pemahaman dan pengamalan dalam Al-Quran dan Tajwid dalam kalangan pelatih SL1M meningkat 8 peratus sehingga 12 peratus bagi setiap aspek pada minggu keenam.

5. Khutbah dan Pengucapan Awam

Khutbah dan pengucapan awam merupakan suatu latihan berkesan dalam memastikan kelancaran berkomunikasi di khalayak di samping memberikan suatu kemahiran dan keberanian apabila berhadapan dalam suasana pekerjaan kelak. Antara aspek-aspek yang dikaji dalam khutbah dan pengucapan awam ini ialah dari aspek teknik, berucap di khalayak, peka isu semasa, berkomunikasi spontan dan mampu menarik perhatian khalayak. Peratusan kajian tersebut ditunjukkan dalam Jadual 6.

Jadual 6: Tahap pengetahuan, pemahaman dan pengamalan ilmu khutbah dan pengucapan awam dalam kalangan pelatih SL1M siri 3

Khutbah & P. Awam	Skala	Peratus & bil pelatih Minggu 4	Peratus & bil pelatih Minggu 6
Teknik	Banyak berbeza	50% (45 org)	58.9 (53 org)
	Sedikit bertambah	42.3% (38 org)	41.1% (37 org)
	Tidak bertambah	4.4% (4 org)	Tiada
	Tidak pasti	3.3% (3 org)	Tiada
Berucap di khalayak	Banyak berbeza	37.8% (34 org)	38.9% (35 org)
	Sedikit bertambah	45.5% (41 org)	60% (54 org)
	Tidak bertambah	7.8% (7 org)	Tiada
	Tidak pasti	8.9% (8 org)	1.1% (1 org)
Peka Isu Semasa	Banyak berbeza	25.6% (23 org)	34.4% (31 org)
	Sedikit bertambah	58.8% (50 org)	65.6% (59 org)
	Tidak bertambah	8.9% (8 org)	Tiada
	Tidak pasti	10% (9 org)	Tiada
Berucap dan bercakap spontan	Banyak berbeza	24.8% (24 org)	37.8% (34 org)
	Sedikit bertambah	55.5% (51 org)	65.2% (56 org)
	Tidak bertambah	8.2% (8 org)	Tiada
	Tidak pasti	7.2% (7 org)	Tiada
Menarik perhatian khalayak	Banyak berbeza	18.9% (17 org)	34.4% (31 org)
	Sedikit bertambah	58.9% (53 org)	56.7% (51 org)
	Tidak bertambah	12.2% (11 org)	Tiada
	Tidak pasti	10% (9 org)	8.9% (8 org)

Jadual 6 menunjukkan perbandingan tahap pengetahuan, pemahaman dan pengamalan pelatih dalam ilmu khutbah dan pengucapan awam pada minggu keempat dan minggu keenam. Terdapat peningkatan peratusan sepanjang enam minggu program berlangsung jika dibandingkan dengan minggu keempat. Namun begitu, peratusan peningkatan setiap item adalah rendah dan hanya meningkat dalam skala yang kecil. Item yang mengalami peningkatan peratusan yang tinggi ialah teknik-teknik pengucapan awam iaitu daripada 50 peratus kepada 58.9 peratus. Melalui dapatan kajian, berucap/berkomunikasi di khalayak walaupun peratusan meningkat tetapi meningkat dalam peratusan yang kecil iaitu peratusan pada minggu keenam tidak melebihi 40 peratus. Begitu juga bagi aspek kepekaan terhadap isu semasa, berkomunikasi secara spontan dan penyampaian yang menarik di khalayak yang menunjukkan peratusan peningkatan yang

kecil. Dapatan kajian menunjukkan bahawa peningkatan peratusan tahap pengetahuan, pemahaman dan pengamalan dalam ilmu khutbah dan pengucapan awam ini meningkat dalam skala yang rendah ada aspek yang memperoleh peratusan 34 peratus sahaja dan terdapat pelatih yang masih belum menguasai komunikasi di khalayak.

6. Tasawur Islam

Tajuk-tajuk yang dipelajari dalam Tasawur Islam ialah bab-bab yang merangkumi aspek ketuhanan, kenabian, sam'iat, qadar dan qadar, pecahan aliran dalam akidah dan aspek perbandingan agama. Hasil kajian tahap pengetahuan, pemahaman dan pengamalan para pelatih dalam ilmu Tasawur Islam ini ditunjukkan dalam Jadual 7.

Jadual 7: Tahap pengetahuan, pemahaman dan pengamalan ilmu Tasawur Islam dalam kalangan pelatih SL1M siri 3

Tasawur Islam	Skala	Peratus dan bil pelatih Minggu 4	Peratus dan bil pelatih Minggu 6
Ketuhanan	Banyak berbeza	62.2% (56 org)	66.7% (60 org)
	Sedikit bertambah	28.9% (26 org)	32.2% (29 org)
	Tidak bertambah	5.6% (5 org)	Tiada
	Tidak pasti	3.3% (3 org)	1.1% (1 org)
Kenabian	Banyak berbeza	55.6% (50 org)	60% (54 org)
	Sedikit bertambah	40% (36 org)	40% (36 org)
	Tidak bertambah	2.2% (2 org)	Tiada
	Tidak pasti	2.2% (2 org)	Tiada
Sam'iat, qada & qadar	Banyak berbeza	50% (45 org)	54.4% (49 org)
	Sedikit bertambah	41.1% (37 org)	45.6% (41 org)
	Tidak bertambah	7.8% (7 org)	Tiada
	Tidak pasti	1.1% (1 org)	Tiada
Pecahan aliran dalam akidah	Banyak berbeza	55.6% (50 org)	57.8% (52 org)
	Sedikit bertambah	34.4% (31 org)	37.8% (34 org)
	Tidak bertambah	7.8% (7 org)	4.4% (4 org)
	Tidak pasti	2.2% (2 org)	Tiada
Perbandingan agama	Banyak berbeza	Tiada	55.6% (50 org)
	Sedikit bertambah	Tiada	37.8% (34 org)
	Tidak bertambah	Tiada	6.6% (6 org)
	Tidak pasti	Tiada	Tiada

Melihat kepada peratusan aspek-aspek Tasawur Islam dalam Jadual 7, kadar peningkatan peratusan tahap pengetahuan, pemahaman dan pengamalan para pelatih adalah rendah pada minggu yang keenam. Bagi skala “banyak berbeza”, peratusan hanya meningkat dalam kadar 2 sehingga 5 peratus sahaja. Pada minggu keenam, masih ada pelatih yang memiliki persepsi bahawa mereka tidak memperoleh penambahan ilmu dalam aspek pecahan aliran dalam akidah iaitu sebanyak 4.4 peratus dan dalam perbandingan agama sebanyak 6.6 peratus. Begitu juga bagi skala “sedikit bertambah” bagi setiap aspek memperlihatkan kadar peningkatan yang sangat sedikit antara 2 sehingga 3 peratus sahaja. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa tahap pengetahuan, pemahaman dan pengamalan para pelatih SL1M

dalam ilmu Tasawur Islam secara keseluruhannya memperlihatkan peratusan peningkatan yang rendah dan masih terdapat pelatih yang tidak jelas tentang pengisian yang disampaikan.

7. Kekeluargaan

Tajuk-tajuk yang dipelajari dalam ilmu kekeluargaan merangkumi ilmu seperti rukun nikah, prosedur perkahwinan, adab berumah tangga, masalah dan isu semasa kekeluargaan, faktor dan prosedur talak/cerai. Hasil kajian tahap pengetahuan, pemahaman dan pengamalan para pelatih dalam ilmu kekeluargaan ini ditunjukkan dalam Jadual 8.

Jadual 8: Tahap pengetahuan, pemahaman dan pengamalan ilmu kekeluargaan dalam kalangan pelatih SL1M siri 3

Kekeluargaan	Skala	Peratus & bil pelatih Minggu 4	Peratus & bil pelatih Minggu 6
Rukun nikah	Banyak berbeza	46.7% (42 org)	53.3% (48 org)
	Sedikit bertambah	43.3% (39 org)	46.7% (42 orang)
	Tidak bertambah	8.9% (8 org)	Tiada
	Tidak pasti	1.1% (1 org)	Tiada
Prosedur perkahwinan	Banyak berbeza	46.7% (42 org)	55.6% (50 org)
	Sedikit bertambah	43.3% (39 org)	41.1% (37 org)
	Tidak bertambah	5.6% (5 org)	3.3% (3 org)
	Tidak pasti	4.4% (4 org)	Tiada
Adab berumah tangga	Banyak berbeza	46.7% (42 org)	63.3% (57 org)
	Sedikit bertambah	42.2% (38 org)	35.6% (32 org)
	Tidak bertambah	7.8% (7 org)	1.1% (1 org)
	Tidak pasti	3.3% (3 org)	Tiada
Masalah & isu semasa	Banyak berbeza	Tiada	62.2% (56 org)
	Sedikit bertambah	Tiada	36.7% (33 org)
	Tidak bertambah	Tiada	1.1% (1 org)
	Tidak pasti	Tiada	Tiada
Faktor & prosedur talak/cerai	Banyak berbeza	Tiada	62.2% (56 org)
	Sedikit bertambah	Tiada	34.4% (31 org)
	Tidak bertambah	Tiada	3.3% (3 org)
	Tidak pasti	Tiada	Tiada

Terdapat peningkatan dalam peratusan bagi aspek kekeluargaan pada minggu keenam jika dibandingkan dengan minggu keempat. Peratusan tertinggi adalah tahap pengetahuan, pemahaman dan pengamalan pelatih bagi ilmu adab berumah tangga iaitu 63.3 peratus pada minggu keenam berbanding hanya 46.7 peratus pada minggu keempat. Bagi aspek masalah dan isu semasa, peratusan adalah sebanyak 62.2 peratus bagi skala “banyak berbeza” dan bagi aspek faktor & prosedur talak/cerai pula, peratusan tahap pengetahuan, pemahaman dan pengamalan pelatih pula ialah sebanyak 62.2 peratus. Kedua-dua aspek tersebut dipelajari bermula pada minggu keenam. Secara keseluruhan peratusan peningkatan bagi tahap pengetahuan, pemahaman dan pengamalan pelatih SL1M bagi ilmu kekeluargaan ini

meningkat daripada minggu keempat sebanyak 7 sehingga 17 peratus pada minggu yang keenam.

8. Pengurusan Jenazah

Ilmu tentang pengurusan jenazah dinilai pada minggu keenam merangkumi item tentang persediaan kematian, mandi jenazah, kafan, solat jenazah dan pengebumian. Pengurusan jenazah ini melibatkan aspek teori dan praktikal iaitu dalam mandi jenazah, kafan dan solat jenazah. Tahap pengetahuan, pemahaman dan pengamalan para pelatih dalam ilmu tersebut ditunjukkan dalam Jadual 9.

Jadual 9: Tahap pengetahuan, pemahaman dan pengamalan ilmu pengurusan jenazah pelatih SL1M siri 3 pada minggu keenam

Pengurusan Jenazah	Skala	Peratus (%)	Bil pelatih (org)
Persediaan kematian	Banyak perbezaan	81.1	73
	Sedikit berbeza	17.8	16
	Tidak pasti	1.1	1
Mandi Jenazah	Banyak perbezaan	85.6	77
	Sedikit berbeza	14.4	13
Kafan	Banyak perbezaan	86.7	78
	Sedikit berbeza	13.3	12
Solat Jenazah	Banyak perbezaan	77.8	70
	Sedikit berbeza	21.1	19
	Tidak Pasti	1.1	1
Pengebumian	Banyak perbezaan	74.5	67
	Sedikit berbeza	23.3	21
	Tidak bertambah	1.1	1
	Tidak pasti	1.1	1

Peratusan tahap pengetahuan, pemahaman dan pengamalan pelatih dalam ilmu pengurusan jenazah ini mencapai peratusan yang tinggi dalam segala aspek. Peratusan melebihi 80 peratus dapat dilihat dalam kafan jenazah iaitu 86.7 peratus, diikuti mandi jenazah 85.6 peratus dan persediaan kematian 81.1peratus. Peratusan melebihi 80 peratus tersebut dapat dicapai kerana mandi jenazah dan kafan jenazah tersebut selain daripada teori, praktikal bagi kedua-dua perkara tersebut dilaksanakan dan telah mampu meningkatkan tahap kefahaman dalam aspek yang dinilai tersebut.

Perbincangan dan Rumusan

Dapatan kajian mendapati bahawa program latihan pementapan kerohanian ini telah memberikan suatu ilmu baru yang perlu dipelajari, difahami dan diamalkan oleh para pelatih SL1M apabila terdapat peningkatan peratusan pada minggu keenam berbanding minggu keempat. Peningkatan peratusan tinggi dalam ilmu fardu ain, kekeluargaan, Al-Quran dan Tajwid serta Pengurusan Jenazah sehingga 18 peratus pada minggu keenam jelas membuktikan bahawa program yang dilaksanakan itu dapat menambahkan pengetahuan agama , memberi kesedaran beragama untuk beramal terutamanya dalam ilmu fardu ain dan seterusnya dapat memperbaiki sikap ke arah yang lebih positif. Hal ini dibuktikan dengan

peningkatan peratusan dalam aspek sikap yang melebihi 65 peratus dalam setiap aspek yang dikaji. Situasi ini membuktikan bahawa program pengukuhan spiritual ini memang diperlukan oleh para pelatih kerana kebanyakan daripada mereka bukan berlatar belakang pendidikan agama. Justeru, latihan pemantapan rohani yang dijalankan dapat memberi bimbingan kepada pelatih dengan segala ilmu yang diperoleh dapat dijadikan amalan berterusan dalam kehidupan kerana peranan ilmu itu sangat berkait rapat dengan kemajuan individu (Mohd Musnizam Jaafar et.al. 2013). Bimbingan dan ilmu yang diamalkan tersebut mampu melahirkan manusia yang unggul dan berpekerti agung (Aniza Mohamed Nor et.al. 2013).

Kajian juga menunjukkan bahawa ilmu yang dipelajari secara teori dan diaplikasikan melalui praktikal atau amali mampu memperoleh tahap pengetahuan, pemahaman dan pengamalan yang tinggi (Haiza Abdullah et.al. 2013). Hal ini dibuktikan melalui peningkatan peratusan tahap pengetahuan, pemahaman dan pengamalan pada minggu keenam melebihi 60 peratus dalam ilmu Fardu Ain, Al-Quran dan Tajwid serta Pengurusan Jenazah. Ilmu Fardu Ain yang dipelajari melibatkan amali/praktikal dalam solat, wuduk, solat berjemaah, jamak dan qasar, masbuk dan muafik yang memperjelas serta memperkukuh kefahaman para pelatih. Begitu juga dengan ilmu Al-Quran dan Tajwid yang dipelajari dalam bentuk kuliah dan pengaplikasian bacaan dan ilmu tajwid tersebut dalam lingkungan kumpulan yang kecil. Pengurusan Jenazah pula memperlihatkan peratusan yang paling tinggi melebihi 74 peratus setiap aspek kajian. Praktikal dan amali yang dilaksanakan iaitu kafan jenazah, mandi jenazah dan solat jenazah telah memberikan pengetahuan, pemahaman dan pengamalan yang jelas kepada pelatih untuk diaplikasikan dalam kehidupan sebenar. Praktikal/ amali ini merupakan suatu metode yang terbaik dalam membekalkan ilmu pengetahuan dan memberi kefahaman atau input jelas tentang sesuatu ilmu bagi melahirkan insan yang berkualiti dan dinamik dalam membina peradaban manusia berteraskan ajaran Islam yang syumul (Husnaa Salehah Yahya et.al. 2013). Metode secara praktikal atau amali ini merupakan salah satu metode pengajaran dan pembelajaran Rasulullah SAW untuk membentuk akhlak masyarakat terutamanya ketika mengajar ibadat solat kepada para sahabat (Zainura shafie & Maimun Aqsha Lubis 2013).

Melalui dapatan kajian juga, khutbah dan pengucapan awam serta Tasawur Islam memperlihatkan peningkatan peratusan dalam skala yang rendah. Terdapat beberapa aspek dalam Khutbah dan Pengucapan Awam yang memperoleh kadar peratusan melebihi 30 peratus pada minggu keenam. Walaupun peratusan meningkat berbanding dengan minggu keempat, namun skala perubahan tersebut adalah kecil. Begitu juga terdapat beberapa topik dalam Tasawur Islam yang memperlihatkan peningkatan peratusan rendah iaitu hanya 40 peratus sahaja. Dapatan kajian yang diperoleh membuktikan bahawa teknik penyampaian ilmu merupakan suatu perkara yang perlu dititikberatkan supaya ilmu tersebut dapat difahami jelas dan mampu diaplikasikan dalam kehidupan sebenar para pelatih. Misalnya dalam Khutbah dan Pengucapan Awam, teknik dan metode penyampaian berkesan terutamanya keberanian berkomunikasi di khalayak merupakan suatu perkara yang perlu ditekankan dan dipelbagaikan kaedah supaya dapat memastikan keberhasilan pelatih yang berani dalam mengeluarkan idea-idea bernas. Hal ini dibuktikan dengan peningkatan peratusan dalam aspek tersebut hanya melebihi 37 peratus pada minggu keenam berbanding minggu keempat hanya sekitar 25 peratus sahaja.

Kepelbagaian metode dan teknik juga perlu diaplikasikan dalam Tasawur Islam supaya isu-isu yang dikemukakan dapat difahami jelas dan mampu difahami oleh para pelatih. Misalnya berdasarkan metode pengajaran al-Ghazali melalui metode perbandingan,

metode halaqah, metode tunjuk cara dan bimbingan serta metode dialog dan perbincangan boleh diaplikasikan dan digunakan bagi meningkatkan keefisienan dalam komunikasi (Haiza Abdullah et.al. 2013). Hal ini kerana ilmu yang disampaikan dalam Tasawur Islam misalnya, bukanlah suatu penyampaian maklumat dan pengetahuan semata-mata, namun ilmu tersebut merupakan suatu percubaan untuk membawa individu memperoleh suatu kemahiran, aliran pemikiran dan kekentalan akidah bagi mencapai suatu tahap keimanan yang tinggi dalam pembangunan diri supaya tidak boleh ditandingi oleh mana-mana ideologi dan sukar digugat atau digoyah akan kekuatannya (Norzazila Abu Hasim & Maimun Aqsha Lubis 2013).

Sehubungan itu, terdapat beberapa cadangan untuk pemantapan dan penambahbaikan program latihan pemantapan kerohanian ini agar mampu menjana keberhasilan mukmin sejati secara berterusan iaitu:

1. Penyediaan silibus yang komprehensif yang dapat menepati keperluan sebenar para pelatih SLIM pada masa akan datang.
2. Memperkemas kaedah pelaksanaan program dengan bentuk pelaksanaan yang lebih efisien, kepelbagaian teknik dan metode yang dapat meningkatkan kualiti pengetahuan dan kefahaman serta memperuntukkan masa yang sesuai untuk setiap modul yang dipelajari.

Kesimpulan

Oleh yang demikian, latihan pemantapan kerohanian ini merupakan suatu program yang perlu dijadikan medium atau wadah yang berterusan dalam menyampaikan ilmu dan dakwah kepada para pelatih Skim Latihan 1 Malaysia Tabung Haji. Pelbagai aktiviti keilmuan telah dilaksanakan dalam pelbagai metode untuk memberi kefahaman Islam, menanamkan benih kesedaran kepada pelatih sebagai hamba Allah dan meningkatkan keperibadian akhlak terunggul yang mampu diterapkan dalam organisasi yang diceburi kelak. Adalah diharapkan agar program latihan pemantapan kerohanian ini menjadi pemangkin, penggerak dan pencetus dalam menyuntik kesedaran kepentingan keilmuan dalam memperkukuhkan iman sebagai suatu usaha memperoleh ketakwaan yang jitu. Hal ini penting dalam penjanaaan pembangunan jiwa ke arah melahirkan insan kamil berdasarkan pengetahuan, pemahaman dan pengamalan ilmu yang menjadi tunggak utama dalam melahirkan insan rabbani. Penambahbaikan dan pemurnian program ini pada masa akan datang adalah perlu supaya kesinambungan peranan itu tidak terhenti demi memastikan keberhasilan pekerja yang sentiasa tunduk dan patuh kepada-Nya.

Rujukan

- Abdul Basit Abdul Rahman. 2012. *Keindahan Islam. Hikmah-hikmah di Sebalik Pensyariatan*. Telaga Biru Sdn Bhd. Kuala Lumpur.
- Abu Muaz. 2011. *Keharmonian Hidup Bersyariat*. Syeikh Publisher. Shah Alam. Selangor.
- Ahmad Mohd Salleh & Mohd Farid Hafidz Ahmad. 2007. *Islam Agama Rabbani: Dasar Pendidikan Islam Teras*. Oxford Fajar Sdn Bhd. Shah Alam. Selangor.
- Aminullah bin Hj Mohd Bakir. 2003. *Panduan Fardu Ain: Bersuci dan Solat*. Al-Hidayah Publishers. Kuala Lumpur.

- Aniza Mohamed Nor, Abd Halim Tamuri, Maimun Aqsha Lubis, Nabihah Yusof, Haiza Abdullah & Siti Akhmal Salleh@Muhamad. 2013. Peranan Falsafah Islam Menghadapi Globalisasi. *Proceeding 3rd International Conference of Asean Studies On Integrated Education in Islamic Studies and Civilization, Songkla Thailand*. 18-19 January 2012. 102-115. Universiti Kebangsaan Malaysia.Bangi.
- Asmahan Mokhtar. 2009. Pengamalan Ajaran Islam di Kalangan Remaja Politeknik Sultan Azlan Shah, Behrang, Perak. Tesis Sarjana. Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi.
- Dzuhailmi Dahalan, Steven Eric Krauss, Azimi Hamzah & Abd Hadi Sulaiman. 2014. Pegangan Agama Dalam Kalangan Belia Awal Pelbagai Kaum di Malaysia. *Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan*. Vol.9, No 1:117-130.
- Haiza Abdullah, Maimun Aqsha Lubis, Aniza Mohamed Nor, Nabihah Yusof & Siti Akhmal Salleh@Muhamad. 2013. Sumbangan Falsafah Islam Dalam Pendidikan Bersepadu. *Proceeding 3rd International Conference of Asean Studies On Integrated Education in Islamic Studies and Civilization, Songkla Thailand*. 18-19 January 2012. 134-143. Fakulti Pendidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia.Bangi.
- Hassan Mahmud al-Hafiz. 1997. *Bimbingan Fardu Ain*. Al-hidayah Publishers. Kuala Lumpur.
- Husnaa Salehah Yahya, Amal Hayati Md Nor & Fahimah Ali Hassan. 2013. Pembangunan Modal Insan Analisis Pemikiran Ikon Islam Ibnu Sina. *Proceeding 3rd International Conference of Asean Studies On Integrated Education in Islamic Studies and Civilization, Songkla Thailand*. 18-19 January 2012. 144-151. Fakulti Pendidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia.Bangi.
- Ismail Kamus. 2000. *Panduan Fardu Ain*. At-Tafkir Enterprise. Kuala Lumpur.
- Jabir Qamihah. 1996. *Nilai-nilai Islam: Satu Pengenalan*. Bahagian Hal Ehwal Islam. Jabatan Perdana Menteri. Kuala Lumpur.
- Mahmood Zuhdi Hj Abdul Majid. 2011. *Peribadi Muslim*. Yamani Angle Sdn Bhd. Kuala Lumpur.
- Mohammed Sulaiman, Khaliq Ahmad, Baraa Sbaih & Naail Mohammed Kamil. 2014. The Perspective of Muslim Employees Towards Motivation Career Success. *Journal of Social Science and Humanities*. Vol.9 No 1:045-062.
- Mohd @ Mohamed Mohamed Zin. 2000. Faktor-faktor yang Mendorong ke atas Penghayatan Islam di Sebuah Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) Teknikal. Disertasi Sarjana. Fakulti Pendidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Musnizam Jaafar@Mustapha, Ab. Halim Tamuri & Rohizan Ya. 2013. Konsep berilmu dalam Kalangan guru Pendidikan Islam: Satu keperluan di Malaysia. *Proceeding 3rd International Conference of Asean Studies On Integrated Education in Islamic Studies and Civilization, Songkla Thailand*. 18-19 January 2012. 386-401. Fakulti Pendidikan.Universiti Kebangsaan Malaysia.Bangi.
- Mohd Nasri Abdullah dan Maimun Aqsha Lubis. 2013. *Pembinaan Peradaban manusia melalui Tarbiah Islamiah di dalam Peradaban Islam dan Tamadun Dunia*. Fakulti Pendidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi.
- Mohd Saifun Aznin b Mohd Sharif dan Maimun Aqsha Lubis. 2014. Peradaban Islam Dalam Tamadun Melayu Dari Aspek Pendidikan Serta Hubungannya Dengan Pendidikan Masjid. *Proceeding The 6th International Conference And Workshop on ASEAN Studies in Islamic Culture and Educational Technology*.402-412. Fakulti Pendidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia.Bangi.
- Nik Daud bin Raja Hussein, Mohd Helmi bin Abd Rahim dan Rosmawati binti Mohamad Rasit. 2014.

- Masjid Salehin Sebagai Wasilah Dakwah Kepada pelatih-pelatih Pasukan Polis di Pusat Latihan Polis Kuala Lumpur. *Journal of Social Science and Humanities*. Vol.9, No 1:085-097.
- Nor Faizah Abu Hashim, Mohd Isa Hamzah & Maimun Aqsha Abdin Lubis. 2014. Metodologi Pendidikan di Masjid: Analisa Terhadap Program Ilmiah Melalui Portal e-Masjid. *Proceeding The 6th International Conference And Workshop on ASEAN Studies in Islamic Culture and Educational Technology*. 249-262. Fakulti Pendidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia.Bangi.
- Norzazila Abu Hasim dan Maimun Aqsha Lubis. 2013. Pengajaran dan Pembelajaran Akidah Pemangkin Pembangunan Tamadun Ummah. *Proceeding 3rd International Conference of Asean Studies On Integrated Education in Islamic Studies and Civilization, Songkla Thailand*. 18-19 January 2012. 176-183. Fakulti Pendidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia.Bangi.
- Seri Kartini dan Fariza Md sham. 2013. Pengamalan Ajaran Islam Dalam Kalangan Pelajar Politeknik Ungku Omar, Ipoh. *Jurnal Islamiyyat*. 35 (1):29-38.
- Shuhairimi Abdullah. 2009. *Dinamisme Nilai-nilai Murni*. Universiti Malaysia Perlis. Kangar.
- Tajul Ariffin Noordin. 2007. Pembangunan Insan dari Perspektif Pendidikan. Fakulti Pendidikan UKM. *Kertas kerja Seminar Pendidikan Tinggi Islam ke-5 (Pembangunan Insan: Antara Idealisme & Realiti)* anjuran Kolej Dar al-Hikmah di UniKL-MFI, Bandar Baru Bangi pada 24 November 2007.
- Tajul Ariffin Noordin & Nor'Aini Dan. 2005. Memimpin Kemanusiaan Sejagat Berpaksi Paradigma Al-Quran. *Prosiding Wacana Pendidikan Islam (Siri 4): Pendidikan Islam Ke Arah Kemanusiaan Sejagat*. Fakulti Pendidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi.
- Zainura Shafie dan Maimun Aqsha Lubis. 2013. Metodologi Pendidikan Pada Zaman Rasulullah SAW Asas Pembentukan Masyarakat Berakhlak. *Proceeding 3rd International Conference of Asean Studies On Integrated Education in Islamic Studies and Civilization, Songkla Thailand*. 18-19 January 2012. 293-302. Fakulti Pendidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia.Bangi.